CHE WAN DERAMAN BIN CHE WAN DERIS

lwn.

PENDAKWA RAYA

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
TUAN HASHIM BIN DATO' HAJI YUSOFF PK
[RAYUAN JENAYAH NO. 42-92 TAHUN 1993]
14 JANUARI 1995

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Menipu - Seksyen 420 Kanun Keseksaan - Unsur-unsur kesalahan - Unsur memperdayakan dengan curangnya - Samada dibuktikan - Kanun Keseksaan ss. 415, 420.*

PROSEDUR JENAYAH: *Akhir kes pendakwaan - Hujahan - Samada pembelaan perlu diberi peluang untuk berhujah diakhir kes pendakwaan - Hakim Sesyen tidak mengizinkan hujahan dibuat - Samada fatal - Samada perbicaraan menjadi diluar aturan.*

[**English** Translation of Catchwords]

CRIMINAL LAW: *Cheating - Section 420 Penal Code - Ingredients of offence - Dishonestly deceiving - Whether proven - Penal Code ss. 415, 420.*

CRIMINAL PROCEDURE: *End of prosecution case - Submission - Whether defence to be allowed to submit at end of prosecution case - Sessions Judge disallowed submission - Whether fatal - Whether trial irregular.*

Perayu menghadapi tuduhan menipu Akauntan Kanan Perbendaharaan, Kementerian Dalam Negeri, di bawah s. 420 Kanun Keseksaan, kerana menyerahkan kepada pegawai di pejabat berkenaan sekeping cek yang tidak boleh diperlakukan untuk menjelaskan hutang kenderaannya kepada Kerajaan. Perayu telah disabit dan dihukum 2 tahun penjara dan diperintahkan membayar ganti rugi kepada Kerajaan di bawah s. 426 Kanun Acara Jenayah sebanyak RM12,805.50.

Fakta kes menunjukkan bahawa Hakim Sesyen, di akhir kes pendakwaan, telah memanggil perayu untuk membela diri tanpa membenarkan apa-apa hujahan dibuat diperingkat itu oleh perayu. Menurut Hakim Sesyen, hujahan sedemikian adalah tidak perlu. Fakta juga menunjukkan bahawa "cek tendang" yang dikeluarkan oleh perayu di sini, bertujuan untuk mendapatkan surat membatalkan "hak milik dituntut oleh Kerajaan Malaysia" tersebut, telah diserahkan oleh perayu kepada pegawai di pejabat Akauntan Kanan Perbendaharaan, tetapi surat pembatalan itu, bagaimanapun, tidak dikeluarkan oleh pejabat yang sama tetapi oleh satu pejabat lain yang dikenali sebagai Bahagian "F" Kementerian Dalam Negeri.

Di hadapan yang arif Hakim rayuan isu penting yang timbul ialah:

1. Samada sabitan terhadap perayu, dalam halkeadaan kes, wajar dan teratur.
2. Samada satu perbicaraan diluar aturan telah berlaku, dan jika ya, samada suatu perbicaraan semula patut diperintahkan.

Diputuskan:

[1] Sudah menjadi satu amalan yang mempunyai kuasa undang-undang bahawa Peguambela dibenarkan berhujah jika beliau ingin berbuat demikian. Kegagalan Peguambela diberi peluang berhujah di akhir kes pendakwaan itu mengakibatkan suatu perbicaraan luar aturan telah berlaku yang tidak boleh dipulih oleh s. 422 Kanun Prosedur Jenayah.

[2] Terdapat keraguan dalam kes pendakwaan bahawa perayu telah menipu Akauntan Kanan Perbendaharaan dengan curang seperti yang dimaksudkan oleh s. 415 Kanun Keseksaan. Tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa perayu telah mendorong pegawai pejabat Akauntan Kanan Perbendaharaan terbabit mengeluarkan surat membatal hak milik bagi kenderaan berkenaan oleh kerana, surat tersebut sebenarnya telah dikeluarkan oleh satu Bahagian lain iaitu Bahagian "F" Kementerian Dalam Negeri dan bukannya oleh pegawai daripada Akauntan Kanan Perbendaharaan seperti yang disebutkan di dalam pertuduhan terhadap perayu.

[3] Menilai kes pendakwaan diakhir kesnya dengan penilaian maksima, tidak dapat dikatakan bahawa ada cukup keterangan yang jika tidak disangkal akan membawa kepada sabitan. Dalam halkeadaan ini perbicaraan semula adalah tidak wajar.

[Rayuan dibenarkan. Sabitan dan hukuman diketepikan. Perayu dibebaskan]

Kes-kes yang dirujuk:
PP v. Ong Khoon Seng [1982] 1 MLJ 351 ***(diikuti)***
Lim Kheak Teong v. PP [1985] 1 MLJ 38 ***(dirujuk)***
Khoo Hi Chiang v. PP & Anor Appeal [1994] 1 MLJ 265 ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:
Kanun Prosedur Jenayah, s. 426

Bagi pihak perayu - Mohd. Nor b. Mohd; T/n. Weng Chooi & Mohd. Nor
Bagi pihak pendakwa raya - Sharizal b. Samsuri, TPR

PENGHAKIMAN

Hashim bin Dato' Haji Yusoff PK:

Di dalam kes ini perayu/tertuduh Che Wan Deraman bin Che Wan Deris menghadapi pertuduhan pindaan P1 seperti berikut pada asalnya:

> Bahawa kamu, pada 7 Ogos 1984 lebih kurang diantara jam 8.00 pagi dan jam 4.15 petang, di pejabat Akauntan Kanan Perbendaharaan, Kementerian Dalam Negeri, Jalan Bukit Aman, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, telah menipu Akauntan Kanan Perbendaharaan. Kementerian Dalam Negeri, dengan curang memperdayakan pegawai pejabat tersebut supaya menerima dan mempercayai bahawa cek Bank Islam Malaysia Bhd. No. 084128 bertarikh 7 Ogos 1984 bernilai RM12,805.50 yang diserahkan oleh kamu boleh diperlakukan dan mempunyai kedudukan kewangan yang mencukupi di bank tersebut dan dengan demikian telah mendorong pegawai pejabat tersebut mengeluarkan surat membatalkan hak milik yang dituntut oleh Kerajaan Malaysia ke atas kenderaan No. WAG 50 jenis Datsun Bluebird 1600 c.c., dimana kenderaan tersebut pada masa berkenaan masih hak milik Kerajaan Malaysia, yang mana pegawai pejabat tersebut tidak akan mengeluarkan surat itu jika beliau tidak diperdayakan sedemikian dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s. 420 Kanun Keseksaan

Selepas keterangan SP15, Hakim Mahkamah Sesyen telah membenarkan permohonan Timbalan Pendakwa Raya untuk meminda tuduhan pindaan asal itu dengan memasukkan selepas perkataan "mendorong pegawai pejabat tersebut" perkataan-perkataan berikut iaitu "... tanpa memberitahu taraf jawatan kamu dalam perkhidmatan PDRM ..."

Di akhir kes pendakwaan Hakim Mahkamah Sesyen telah memerintahkan tidak perlu kedua-dua pihak membuat hujahan diperingkat itu dan terus memanggil tertuduh membuat pembelaanya di mana pada akhir kes ini tertuduh telah didapati bersalah dan disabitkan dibawah s. 420 Kanun Keseksaan dan dihukum pemenjaraan 24 bulan serta diperintahkan

bayar gantirugi kepada kerajaan di bawah s. 426 Kanun Prosedur Jenayah sebanyak RM12,805.50 dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh hukuman dijatuhkan.

Perayu tertuduh terkilan dengan keputusan Hakim Mahkamah Sesyen itu dan merayu terhadap sabitan, hukuman dan gantirugi itu. Manakala Timbalan Pendakwa Raya pula merayu balas terhadap hukuman.

Secara ringkas fakta kes seperti yang terdapat daripada keterangan pendakwaan adalah seperti berikut:

Pada 7 Ogos 1994 SP9 yang bertugas sebagai penyimpan akaun di pejabat Akauntan Kanan Perbendaharaan, Polis Di Raja Malaysia di Bukit Aman, Kuala Lumpur telah menerima sekeping cek persendirian P21 daripada perayu tertuduh untuk menjelaskan baki wang pinjaman bagi kenderaan No. WAG 50 jenis Datsun Bluebird 1600 c.c. Perayu tertuduh kemudian meminta SP9 keluarkan surat pengesahan terima bayaran dan tertuduh juga tawarkan dirinya untuk hantar surat tersebut P22 dengan tangan kepada Bahagian 'F' di Bukit Aman. Tetapi SP9 sendiri yang membawa P21 dan P22 kepada SP6 seorang kerani kanan di bahagian pentadbiran, Pejabat Akauntan Kanan Perbendaharaan. SP9 juga memberi surat asal dan surat salinan P22 kepada tertuduh yang tidak pada bila-bila masa memberitahu statusnya kepada SP9 bahawa tertuduh akan meletak jawatan.

Pada 8 Ogos 1984, SP11 Pegawai Kerja Kanan di Bahagian "F", Kementerian Dalam Negeri telah menerima P22 dan berdasarkan P22 SP11 difahamkan bahawa tertuduh telah menjelaskan baki hutang pinjaman kenderaannya sebanyak RM12,805.50 dan dia seterusnya mengeluarkan satu surat P23 kepada RIMV untuk meminta supaya tuntutan hak milik kerajaan dibatalkan di atas kad pendaftaran kenderaan tersebut. Tanpa surat P23 pihak RIMV tidak akan membatalkan tuntutan hak milik kerajaan. Tanpa P22, surat P23 tidak akan dikeluarkan dan tanpa cek P21, surat P22 juga tidak akan dikeluarkan.

Cek P21 kemudiannya ditendang kerana didapati tidak mempunyai wang yang mencukupi di dalam akaunnya.

Di atas fakta inilah Hakim Mahkamah Sesyen telah meminta tertuduh membuat pembelaannya.

Alasan rayuan tertuduh boleh diringkaskan seperti berikut:

(i) Hakim Mahkamah Sesyen telah tidak menumpukan perhatiannya kepada pindaan yang dibuat kepada pertuduhan P1.

(ii) Hakim Mahkamah Seksyen tersilap kerana hanya mengambil kira faktor bahawa cek tidak mempunyai wang dan lupa kepada faktor status tertuduh yang akan bersara;

(iii) Ketidakadilan telah berlaku kerana Hakim Mahkamah Sesyen tidak memberi peluang kepada Peguambela untuk berhujah diakhir kes pendakwaan;

(iv) Sekiranya Akauntan Kanan Perbendaharaan telah ditipu, orang yang mengeluarkan surat untuk membatal hak milik P23 ialah orang lain iaitu Bahagian 'F' di Bukit Aman.

Menyentuh isu Peguambela tidak diberi peluang untuk berhujah diakhir kes pendakwaan, Peguam perayu Encik Mohd. Nor bin Mohd. telah merujuk kepada kes *PP v Ong Khoon Seng* [1982] 1 MLJ 351 di mana Seah, Hakim Mahkamah Tinggi (beliau pada ketika itu) memutuskan:

> Held: (3) although there is no express provision in the Criminal Procedure Code permitting a defence Counsel to make a submission of no case to answer or for the trial Court to hear such a submission at the close of the prosecution case, the practice of the Courts has always been to allow defence Counsel to make such a submission if he so desires and for the trial Court to permit the Deputy Public Prosecutor to reply to such a submission.

Kes di atas jelas mematahkan penghujahan Timbalan Pendakwa Raya bahawa tidak ada ketidakadilan berlaku di sini kerana tiada peruntukan sedemikian di dalam Kanun Prosedur Jenayah. Saya bersetuju dengan penghujahan Encik Mohd. Nor bahawa sudah menjadi satu amalan yang mempunyai kuasa undang-undang bahawa Peguambela dibenarkan berhujah jika beliau ingin berbuat demikian dan atas kebenaran Mahkamah yang membicarakan kes untuk Timbalan Pendakwa Raya atau Pegawai Pendakwa membuat jawapan kepada hujahan tersebut diakhir kes pendakwaan. Kegagalan Peguambela diberi peluang berhujah diakhir kes pendakwaan itu mengakibatkan suatu perbicaraan luar aturan (irregularity) telah berlaku yang tidak boleh dipulih oleh s. 422 Kanun Prosedur Jenayah.

Isu yang berikut yang perlu diputuskan ialah samada suatu perbicaraan semula patut diperintahkan? Perkara ini semestinya bergantung kepada pengkajian keterangan kes ini pada keseluruhannya dengan teliti berdasarkan apa yang dinyatakan oleh Hashim Yeop A. Sani, Hakim Mahkamah Persekutuan (beliau pada ketika itu) di dalam kes *Lim Kheak Teong v. PP* [1985] 1 MLJ 38 di muka surat 40 yang berbunyi:

> With respect, what Lord Russell of Killowen said in *Sheo Swarup* was that although no limitations should be placed on the power of the appellate Court, in exercising the power conferred "the High Court should and will always give proper weight and consideration to such matters" as:
>
> 1. The views of the trial Judge on the credibility of the witnesses;
> 2. The presumption of innocence in favour of the accused;
> 3. The right of the accused to the benefit of any doubt; and
> 4. The slowness of an appellate Court in disturbing a finding of fact arrived at by a Judge who had the advantage of seeing the witnesses.

Dalam kes ini Encik Mohd. Nor menghujahkan Hakim Mahkamah Sesyen telah tersilap kerana tidak menumpukan kepada faktor bahawa tertuduh tidak memberitahu statusnya hendak bersara semasa tertuduh memberi ceknya P21 kepada SP9 di sini Timbalan Pendakwa Raya akui memang tidak terdapat perkataan-perkataan yang dimaksudkan itu di dalam pertuduhan yang dibuat dalam alasan penghakiman Hakim Mahkamah Sesyen tetapi namun demikian Hakim Mahkamah Sesyen masih menyentuh perkara itu di dalam alasan penghakimannya.

Jika dilihat daripada keterangan SP8, SP9 dan SP10 kesemuanya daripada Akauntan Kanan Perbendaharaan, Bukit Aman, kesimpulan dapat dibuat bahawa soal samada tertuduh akan bersara atau tidak, cek yang diberinya itu akan diterima. Menurut SP8, semasa disoal balas oleh Peguambela, jika tidak pasti cek akan ditunaikan dan tidak pasti pegawai itu akan meletakkan jawatan, cek tersebut akan diterima (lihat muka surat 49 para E). SP9 pula dalam soal balas menyatakan dia keluarkan P22 sebab anggapannya bahawa tertuduh dan adalah amalan pejabat bahawa tertuduh tidak akan berhenti bekerja.

Saya bersetuju dengan hujahan Encik Mohd. Nor bahawa sekiranya isu berhenti kerja oleh tertuduh itu menjadi perkara penting kepada pejabat Akauntan Kanan Perbendaharaan sudah tentu SP8 dan SP9 sepatutnya bertanya tertuduh mengenainya. Tetapi daripada keterangan yang ada, SP8 dan SP9 tidak berbuat demikian.

Begitu juga SP10 yang menjadi Ketua Bahagian Akaun di pejabat Akauntan Kanan Perbendaharaan pada masa itu, apabila dirujuk cek P21 SP10 fikirkan cek itu akan dijelaskan dan oleh itu dia menandatangani surat pelepasan P22. Bahkan SP10 mengatakan bahawa apabila SP9 Encik Soon merujuk cek P21 kepadanya SP9 mengatakan cek itu "would be o.k." (lihat muka surat 59 para F, rekod rayuan).

Jika diterima sekalipun bahawa pemberian cek P21 oleh tertuduh kepada Akauntan Kanan Perbendaharaan telah mendorong mereka mengeluarkan surat P22 iaitu surat penjelasan baki pinjaman, tidak boleh dikatakan bahawa pegawai pejabat Akauntan Kanan Perbendaharaan tersebut telah mengeluarkan surat membatalkan hak milik yang dituntut oleh Kerajaan Malaysia keatas kenderaan WAG 50 sebab surat itu P23 sebenarnya dikeluarkan oleh Bahagian 'F' Kementerian Dalam Negeri dan bukan oleh pegawai daripada Akauntan Kanan Perbendaharaan seperti yang disebutkan di dalam pertubuhan pindaan terhadap tertuduh.

Jadi, sudah timbul keraguan di dalam kes pendakwaan untuk membuktikan samada tertuduh telah menipu Akauntan Kanan Perbendaharaan dengan curang seperti yang dimaksudkan di bawah s. 415 Kanun Keseksaan. Tidak ada keterangan yang membuktikan tertuduh telah mendorong pegawai pejabat Akauntan Kanan Perbendaharaan tersebut tanpa memberitahu taraf jawatannya dalam Polis Di Raja Malaysia pada masa relevan itu atau mendorong pegawai pejabat tersebut mengeluarkan surat membatal hak milik P23.

Seperti yang dihujahkan oleh Peguam perayu, kes pendakwaan bergantung kepada dua faktor:

1. Pengeluaran cek yang ditendang; dan
2. Penyembunyian fakta oleh tertuduh bahawa dia akan bersara.

Adalah beban pendakwaan membuktikan segala intipati di dalam pertuduhan ke atas tertuduh. Oleh kerana, seperti yang saya sebutkan di atas tadi, bahawa keraguan telah timbul didalam perkara taraf jawatan tertuduh maka keraguan ini telah juga memudaratkan kes pendakwaan. Berdasarkan kes *Khoo Hi Chiang v. PP & Anor. Appeal* [1994] 1 MLJ 265 dimana penilaian maksima perlu dibuat di akhir kes pendakwaan, di dalam kes ini tidak boleh dikatakan ada cukup keterangan jika tidak disangkal akan membawa kepada sabitan.

Di atas sebab demikian adalah tidak wajar untuk diperintahkan suatu perbicaraan semula.

Dengan ini saya membenarkan rayuan tertuduh. Keputusan sabitan dan hukuman oleh Hakim Mahkamah Sesyen diketepikan dan tertuduh dilepas dan dibebaskan.

Wang gantirugi RM12,805.50 jika dibayar hendaklah dipulangkan kepada tertuduh kerana tidak ada sabitan tetapi saya ingin menyatakan disini adalah menjadi isu lain diluar pendengaran rayuan ini antara tertuduh dan pihak Akauntan Kanan Perbendaharaan, Bukit Aman mengenai pembayaran RM12,805.50 itu.

Rayuan balas Pendakwa Raya terhadap hukuman dengan sendirinya ditolak.